



<https://journal.unisza.edu.my/jimk>

**[WRITING STYLE AND INTENSITY OF CLASSIC AND CONTEMPORARY
SCHOLARS IN QURANIC SANAD KNOWLEDGE WRITING]**

**GAYA PENULISAN DAN KESUNGGUHAN ULAMA KLASIK DAN
KONTEMPORARI TERHADAP ILMU SANAD AL-QUR'ĀN**

NORAZMAN ALIAS¹

¹ Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai,
Negeri Sembilan, Malaysia

*Corresponding author: norazman@usim.edu.my

Received Date: 7 April 2020 • Accepted Date: 29 Sept 2020

Abstract

It is well known that the Quranic sanad is one of the three main conditions in accepting the authentic of Quranic recitations (also known as qirā'āt). In the beginning, the Quranic sanad was recorded on a piece of paper as an important document confirming that one had finished reading the Qur'ān in front of the teacher and had completed all knowledge related to qirā'āt. The writings relating to Quranic sanad have evolved with the birth of Quranic figures such as Makkī bin Abī Talīb (d. 437h) the author of al-Tabṣīrah, al-Dhahabiy (d. 748H) who produced the work of Ma'rifah al-Qurrā' al-Kibār, Ibn al-Jazariy (d. 833H) through the work of Ghāyah al-Nihāyah fī Ṭabaqāt al-Qurrā' and al-Nashr fī al-Qirā'āt al-'Ashr and more. The objective of this study is to study the writing style of former scholars in works related to the Quranic sanad. In addition, the study also focuses on the writings of contemporary scholars in this field such as the book of Ithāf al-Zamān bi Asānīd Ahl al-Qur'ān by Dr. Ilyās al-Barmāwiy and the book of al-Salāsīl al-Dhahabīyyah bi al-Asānīd al-Nashriyyah by Dr. Aimān Rushdiy Suwayd who reviews the Quranic sanad in a structured and critical manner. This study will be conducted through descriptive qualitative methods with particular focus on selected Quranic sanad books. The deductive method in the study will be used to maximize the expected results. The study found that writing in this field has been given priority by previous scholars by using of the qurrā' biography method, their teachers and students. The contemporary scholars, however, emphasized the existence of high-level sanad to the Messenger of Allah and also discussed current issues related to sanad.

Keywords: *Quranic sanad, Intensity of Classic and Contemporary Scholars, Writing Style*

Abstrak

Umum mengetahui bahawa sanad al-Qur'ān merupakan salah satu daripada tiga syarat utama dalam meriwayatkan bacaan al-Qur'ān yang sahih. Pada peringkat awalnya, sanad al-Qur'ān tidak dicatat dalam lembaran kertas sebagai dokumen penting, namun ia diingati dan dihafaz silsilah sanadnya bagi mengesahkan seseorang itu telah tamat membaca al-Qur'ān di hadapan guru dan

memenuhi semua ilmu yang berkaitan dengan periwayatan bacaan. Penulisan berkaitan ilmu sanad al-Qur'ān berkembang dengan lahirnya tokoh-tokoh al-Qur'ān seperti Makkī bin Abī Talib (wafat 437h) merupakan pengarang kitab al-Tabṣīrah, al-Dhahabiy (wafat 748H) yang telah menghasilkan karya Ma'rifah al-Qurrā' al-Kibār, Ibn al-Jazariy (wafat 833H) menerusi karya Ghāyah al-Nihāyah fī Ṭabaqāt al-Qurrā' dan al-Nashr fī al-Qirā'āt al-'Ashr dan ramai lagi. Kajian ini bertujuan mengkaji gaya penulisan ulama silam dalam karya mereka berkaitan sanad al-Qur'ān. Selain itu, kajian ini juga memfokuskan penulisan yang dihasilkan oleh ulama kontemporari dalam bidang ini seperti kitab Ithāf al-Zamān bi Asānīd Ahl al-Qur'ān oleh Dr. Ilyās al-Barmāwiy dan kitab al-Salāsīl al-Dhahabiyyah bi al-Asānīd al-Nashriyyah oleh Dr. Aimān Rushdiy Suwayd yang mengulas dan mengkaji sanad al-Qur'ān secara tersusun dan kritis. Kajian ini akan menggunakan metode kualitatif deskriptif dengan memberi fokus khusus kepada kitab sanad al-Qur'ān yang terpilih. Metode deduktif dalam kajian akan digunakan secara maksimum dalam menghasilkan dapatan yang diharapkan. Hasil kajian mendapati bahawa penulisan dalam bidang ini telah diberi keutamaan oleh ulama terdahulu dengan penggunaan metode biografi qurrā', guru dan murid mereka. Adapun ulama kontemporari pula memberi penekanan kepada susur jalur sanad yang tinggi hingga ke Rasulullah SAW dan juga membahas isu semasa berkaitan sanad.

Kata kunci: Sanad al-Qur'ān, Kesungguhan Ulama Klasik dan Kontemporari, Gaya Penulisan

Cite as: Norazman Alias. 2020. Gaya Penulisan dan Kesungguhan Ulama Klasik dan Kontemporari terhadap Ilmu Sanad al-Quran. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 21(3): 165-177

PENGENALAN

Sanad ialah salah satu daripada keistimewaan yang terdapat di dalam ilmu-ilmu Islam, yang mana ilmu berkaitan sanad tidak terdapat di dalam mana-mana agama selain Islam sebagaimana yang dinyatakan Ibn Ḥazm (Qawā'id al-Taḥdīth, 2004). Perkembangan ilmu sanad al-Qur'ān pula boleh dikategorikan kepada dua bahagian iaitu secara lafaz dan secara bertulis. Namun begitu, penulisan ilmu sanad al-Qur'ān ini kurang diberi perhatian oleh para pengkaji kontemporari khususnya di Malaysia sedangkan ia merupakan salah satu daripada pecahan ilmu qirā'āt. Justeru, kertas kerja ini akan cuba mengupas gaya penulisan ilmu sanad al-Qur'ān menerusi beberapa karya pilihan dalam memberi pendedahan kepada masyarakat umum.

PERSOALAN KAJIAN

Kajian ini akan memberi fokus kepada beberapa persoalan, iaitu seperti berikut:

1. Apakah yang dimaksudkan dengan ilmu sanad al-Qur'ān dan perkembangannya?
2. Sejauh manakah kesungguhan para ulama terhadap kepentingan ilmu sanad al-Qur'ān?
3. Apakah gaya penulisan para ulama dalam mengupas perbincangan ilmu sanad al-Qur'ān?

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji gaya penulisan oleh ulama silam dan kontemporari dalam karya mereka berkaitan sanad al-Qur'ān. Kajian ini diusahakan untuk menjawab persoalan yang dikemukakan iaitu:

1. Menjelaskan konsep ilmu sanad al-Qur'ān dan perkembangannya.
2. Menghuraikan sikap para ulama terhadap kepentingan ilmu sanad al-Qur'ān.
3. Mengupas gaya penulisan para ulama dalam perbahasan ilmu sanad al-Qur'ān menerusi karya mereka.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian yang bersifat kualitatif ini akan menggunakan kaedah perpustakaan dan analisis dokumen di mana pengkaji membuat penelitian terhadap kajian-kajian lepas yang berkaitan, jurnal, buku, artikel prosiding. Metode deskriptif akan memberi fokus khusus kepada kitab sanad al-Qur'ān yang terpilih manakala metode deduktif akan digunakan secara maksimum dalam menghasilkan dapatan yang diharapkan.

DEFINISI SANAD DAN KEPENTINGANNYA

Sanad dari sudut bahasa mempunyai beberapa pengertian seperti sandaran atau meninggi daripada tanah. Manakala isnād pula dari sudut bahasa bererti menyandarkan sesuatu perkataan kepada penuturnya (Ibn Manzhur, t.t).

Dari sudut istilah pula, sanad bermaksud jalan yang menyampaikan kepada matan. Sementara isnād pula ialah sebagaimana maksudnya dari sudut bahasa, iaitu menyandarkan sesuatu perkataan kepada penuturnya (Ibn Mulaqqin, 1413). Kedua-dua istilah ini kebiasaannya digunakan oleh muḥaddithīn untuk merujuk kepada perkara yang sama iaitu menjadi sandaran ulama ḥadīth untuk mengetahui kesahihan atau kedaihan sesuatu ḥadīth (al-Suyutiy, 1415). Sanad al-Qur'ān pula diguna pakai di kalangan ulama qirā'āt yang merujuk kepada rangkaian qāri' atau muqri' daripada muqri' sehingga sampai kepada Rasulullah SAW. Shaykh Badr al-Dīn berkata: "Dan adapun sanad dari segi istilah qurrā' ialah penyaksian daripada guru pengijazah bagi pelajar yang diberi ijazah bahawa beliau telah membaca al-Qur'ān di hadapannya secara khatam bersama menjaga hukum tajwīd, penelitian dan boleh membeza mutashābihāt lafaz, lalu dia layak untuk mengajarkannya kepada orang lain, sama ada satu riwāyah seperti riwāyah Qālūn daripada Nāfi', riwāyah Ḥafṣ daripada 'Āsim, riwāyah Khalaf daripada Ḥamzah, ataupun qirā'āt yang tujuh daripada ṭarīq al-Shāṭibiyyah, ataupun qirā'āt yang tiga daripada ṭarīq al-Durrah, ataupun qirā'āt yang sepuluh daripada ṭarīq al-Nashr." (al-Din, 2014)

Dalam pengertian yang lebih khusus, sanad atau isnād bermaksud sandaran, sijil tauliah atau kesaksian dalam penerimaan sesuatu bacaan al-Qur'ān. (al-Jazariy, 2002)

Daripada definisi di atas, dapat difahami bahawa pengertian sanad di sisi qurrā' ialah rangkaian periwayatan bacaan al-Qur'ān daripada seorang qāri' atau muqri' daripada seseorang muqri' yang diambil daripada seseorang muqri' yang lain sehingga kepada Rasulullah SAW.

Sanad merupakan suatu warisan yang tiada tandingan nilainya di sisi para ulama kerana ilmu sanad ialah antara kemuliaan dan kelebihan yang Allah SWT anugerahkan ke atas umat ini. Muḥammad bin Ḥātim al-Muzaffar berkata: “Sesungguhnya Allah SWT telah memuliakan umat ini dengan isnād, tidak ada satu pun umat selain umat ini yang memiliki isnād, melainkan hanyalah mereka itu memiliki lembaran-lembaran kertas sahaja di tangan-tangan mereka, kitab-kitab suci mereka telah bercampur aduk dengan berita-berita yang diambil daripada orang yang tidak dipercayai.” (al-Mazru'ie, 2009).

Sanad ialah asas yang menentukan sama ada sesuatu qirā'āt itu diterima dan menjadi hujah dalam penetapan sesuatu hukum syarak. Di sisi pandangan qurrā', keabsahan sanad merupakan syarat utama untuk menentukan sesuatu qirā'āt itu ialah sahih dan diterima, dianggap sebagai sebahagian daripada ahṡuf sab'ah, dan membacanya menjadi suatu ibadah (al-Jazariy, 1999)

Dengan ini, jelaslah betapa pentingnya ilmu sanad dalam memelihara keabsahan bacaan al-Qur'ān daripada sebarang penyelewengan dan pemalsuan terhadap isi kandungan al-Qur'ān.

PERKEMBANGAN ILMU SANAD AL-QUR'ĀN

Apabila diperkatakan tentang sejarah perkembangan sanad al-Qur'ān, pada hakikatnya ia sangat berkait rapat dengan era penurunan wahyu di zaman nabi Muhammad SAW dan para ṣaḥābah. Hal ini adalah kerana rangkaian jalur sanad al-Qur'ān itu sendiri bersambung hinggalah kepada para ṣaḥābah yang bertalaqqī dengan baginda SAW, yang bertalaqqī dengan Jibril AS, yang menerima wahyu dan perintah daripada Allah SWT. Bahkan pada hayat nabi Muhammad SAW, baginda pernah berpesan untuk mempelajari al-Qur'ān secara berguru daripada beberapa orang ṣaḥābah baginda. Ḥadīth yang diriwayatkan oleh al-Bukhariy dan Muslim, daripada Ibn Mas'ūd katanya: Aku telah mendengar Rasulullah SAW bersabda:

حُدُّوا الْقُرْآنَ مِنْ أَرْبَعَةٍ؛ مِنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ مَسْعُودٍ، وَسَالِمٍ، وَمُعَاذِ بْنِ جَبَلٍ، وَأَبِي بِنِ كَعْبٍ

Bermaksud: “Ambillah al-Qur'ān daripada empat orang; ‘Abdullāh bin Mas'ūd, Sālim, Mu'ādz bin Jabal dan Ubay bin Ka'ab”. (HR al-Bukhariy, 3808, 4999) (HR Muslim, 2464)

Dapat difahami bahawa, terdapat beberapa orang ṣaḥābah yang telah diisytarkan oleh baginda SAW untuk bertalaqqī al-Qur'ān daripada mereka. Adapun mafhum ḥadīth di atas, dua daripada empat orang tersebut ialah kaum al-Muḥājirīn iaitu ‘Abdullāh bin Mas'ud dan Sālim bin Ma'qil manakala dua lagi merupakan kaum al-Anṣār iaitu Mu'ādz bin Jabal dan Ubay bin Ka'ab.

Namun begitu, ḥadīth ini tidaklah mengkhususkan empat orang ṣaḥābah ini sahaja dalam amalan talaqqī al-Qur'ān secara berguru, tanpa menafikan kepakaran para ṣaḥābah yang lain dalam bacaan al-Qur'ān. Shaykh Usāmah Yāsīn berkata: "Sesungguhnya telas jelas bahawa selain daripada empat orang ṣaḥābah yang disebutkan itu, masih ramai lagi yang mahir dalam bacaan al-Qur'ān seperti Zayd bin Thābit, Abū Musā al-Ash'ariy, Abū al-Dardā', antara khalifah yang empat seperti ‘Uthmān bin ‘Affān sehinggalah beliau sibuk dengan urusan pemerintahan, ‘Aliy bin Abī Ṭalib. Justeru, sabda baginda “Ambillah al-Qur'ān daripada empat orang...”, bukanlah bererti terbatas kepada mereka sahaja. Namun penyebutan nama mereka adalah kerana baginda SAW mendahulukan mereka berbanding yang lain pada waktu tersebut

iaitu waktu berlakunya ḥadīth ini, tanpa menafikan akan lahirnya ramai lagi qurrā' selepas daripada mereka". (Hijazi, 2005)

Maka ḥadīth di atas secara jelas telah menerangkan kepentingan mempelajari al-Qur'ān secara berguru dalam memelihara ketepatan bacaan al-Qur'ān yang merupakan bersambung rantaian sanadnya sehingga kepada baginda SAW. Justeru, perkembangan sanad al-Qur'ān ini dapat dirumuskan kepada empat peringkat iaitu:

Peringkat Pertama: Talaqqī Nabi Muhammad SAW Dengan Malaikat Jibril AS

Berdasarkan kepada ḥadīth yang diriwayatkan oleh al-Bukhariy, daripada Fatimah RA, beliau berkata: Nabi SAW pernah memberitahu kepadaku:

أَنَّ جِبْرِيْلَ كَانَ يُعَارِضُنِي بِالْقُرْآنِ كُلِّ سَنَةٍ، وَإِنَّهُ عَارِضُنِي الْعَامَ مَرَّتَيْنِ، وَلَا أَرَاهُ إِلَّا حَضَرَ أَجْلِي

Bermaksud: “Bahawasanya Jibril AS membentangkan bacaan al-Qur'ān kepadaku pada setiap tahun, dan dia membentangkan bacaan kepadaku pada tahun ini sebanyak dua kali. Dan tidaklah aku melihat perkara ini melainkan telah tibanya ajalku”. (HR al-Bukhariy, 3624)

Peringkat Kedua: Talaqqī Para Ṣaḥābah Dengan Nabi Muhammad SAW

Terdapat beberapa buah ḥadīth yang menjelaskan situasi proses talaqqī al-Qur'ān di peringkat kedua ini. Antaranya ialah sebuah ḥadīth yang diriwayatkan oleh al-Bukhariy dan Muslim, daripada ‘Abdullāh bin Mas’ūd, beliau berkata:

أَبِي مِنْ أَعْلَمِهِمْ □ بِيَضْعًا وَسَبْعِينَ سُورَةً، وَاللَّهِ لَقَدْ عَلِمَ أَصْحَابُ النَّبِيِّ □ وَاللَّهِ لَقَدْ أَخَذْتُ مِنْ فِي رَسُولِ اللَّهِ بِكِتَابِ اللَّهِ، وَمَا أَنَا بِخَيْرِهِمْ

Bermaksud: “Demi Allah SWT sesungguhnya aku telah mengambil daripada mulut Rasulullah SAW 70 lebih buah surah. Demi Allah SWT sesungguhnya para ṣaḥābah nabi SAW telah mengetahui bahawasanya aku adalah di kalangan mereka yang paling mengetahui tentang kitab Allah sedangkan aku bukanlah yang terbaik di kalangan mereka”. (HR al-Bukhariy, 5000)

Peringkat Ketiga: Talaqqī Para Tābi’īn dan Generasi Kemudian Yang Bersambung Dengan Nabi Muhammad SAW

Imam Ibn al-Jazari telah menceritakan tentang senario perkembangan sanad al-Qur'ān di zaman tābi’īn dan generasi selepasnya. Kata beliau: “Dan penduduk wilayah Islam ketika itu membaca al-Qur'ān berdasarkan muṣḥaf mereka, dan mereka bertalaqqī dengan ṣaḥābah yang bertalaqqī daripada mulut Rasulullah SAW”. (al-Jazariy, 2016)

Berikut ialah beberapa petikan āthār generasi terdahulu dalam mempelajari al-Qur'ān secara bersanad:

1. Berkata Abū ‘Abd al-Raḥmān al-Sulamīy:

"أَخَذْتُ الْقِرَاءَةَ عَنْ عَلِيٍّ"

Bermaksud: “Aku telah mengambil bacaan daripada ‘Aliy”. (al-Dhahabiy, 1997)

2. Berkata Mujāhid bin Jabr:

"عَرَضْتُ الْقُرْآنَ عَلَى ابْنِ عَبَّاسٍ ثَلَاثَ عَرَضَاتٍ"

Bermaksud: “Aku telah membentangkan bacaan al-Qur’ān kepada Ibn ‘Abbās sebanyak tiga kali”. (al-Naisaburi, 1990)

3. Berkata Ḥafṣ bin Sulaymān: “‘Āṣim telah memberitahu kepadaku: Bacaan yang aku ajarkan kepada kamu ialah apa yang telah aku baca di hadapan Abū ‘Abd al-Raḥmān al-Sulamīy daripada ‘Aliy bin Abī Ṭalīb. Adapun bacaan yang aku ajarkan kepada Abū Bakr Shu’bah bin ‘Ayyāsh ialah apa yang telah aku baca di hadapan Zir bin Ḥubaysh daripada Ibn Mas’ūd”. (al-Dhahabiy, 1997)

Peringkat Keempat: Kesenambungan Sanad Para Qurrā’ dan Generasi Kemudian Dengan Nabi Muhammad SAW

Era kelahiran para ulama qirā’āt atau qurrā’ ini lebih jelas selepas daripada kurun kedua hijrah, di mana ramai ulama mula mengarang kitab dan menulis ilmu yang dipelajari dan menyebarkannya kepada umat. Tidak terkecuali juga ilmu berkaitan qirā’āt dan sanad al-Qur’ān. Perkembangan yang baik ini telah membawa kepada lahirnya ramai cerdik pandai dalam bidang ini dan mereka mula membahaskan ilmu qirā’āt secara ilmiah dan mengikut disiplinnya. Antara tokoh terawal yang telah berjasa dalam membukukan ilmu qirā’āt ialah Abū ‘Ubāyd al-Qāsim bin Salām, wafat tahun 22H yang mengarang kitab al-Qirā’āt, Abū Ḥātim al-Sajastāniy, wafat tahun 225H yang mengarang kitab al-Qirā’āt al-Kabir, Aḥmad bin Mūsā Ibn Mujāhid, wafat tahun 324H yang mengarang kitab al-Sab’ah fī al-Qirā’āt dan sebagainya (al-Jazari, 1999).

Selepas itu, ilmu berkaitan sanad al-Qur’ān mula diperkatakan dengan lebih terperinci oleh para qurrā’ dan menyatakan sanad mereka di dalam kitab qirā’āt, sama ada di halaman pengenalan kitab seperti yang ditulis oleh Ibn al-Jazariy di dalam kitab al-Nashr, atau di dalam bab berasingan seperti yang ditulis oleh Ibn al-Sallār di dalam kitab Ṭabaqāt al-Qurrā’ al-Sab’ah dan ada yang membahaskan ilmu sanad ini di dalam kitab khas seperti ulama qirā’āt kontemporari, Dr. Aimān Rushdi Suwayd di dalam kitab al-Salāsīl al-Dhahabīyyah Bi al-Asānīd al-Nashriyyah.

KESUNGGUHAN ULAMA TERHADAP ILMU SANAD AL-QUR'ĀN

Penulisan para ulama terdahulu dan kontemporer telah membuktikan sikap dan kesungguhan mereka terhadap ilmu sanad al-Qur'ān. Hal ini dibuktikan menerusi sejarah awal penulisan ilmu sanad al-Qur'ān telah pun bermula sejak kurun ketiga perkembangan Islam lagi. Menurut Dr. Aḥmad Sa'ad al-Muṭīriy (2013) antara beberapa contoh karya dalam ilmu sanad al-Qur'ān ialah:

1. Khalīfah bin Khayyāt, Abū 'Amr al-'Uṣfuriy al-Baṣriy, wafat 240h, menulis kitab Ṭabaqāt al-Qurrā' (tidak dicetak).
2. Aḥmad bin Ja'far bin Muḥammad, Abū al-Ḥusayn al-Baghdādiy, wafat 336h, menulis kitab Afwaj al-Qurrā' (tidak dicetak).
3. Muḥammad bin al-Ḥasan bin Muḥammad bin Ziyād, wafat 351h, menulis kitab Al-Mu'jam al-Kabīr Fī Asmā' al-Qurrā' (tidak dicetak).
4. 'Uthmān bin Sa'īd bin 'Uthmān, Abū 'Amr al-Dāniy, wafat 444h, menulis kitab Tārīkh Ṭabaqāt al-Qurrā' Wa al-Muqri'īn Min al-Ṣaḥābah wa al-Tābi'īn Wa Man Ba'dahum Min al-Khālifīn (tidak dicetak).
5. Muḥammad bin Aḥmad bin Uthmān, Abū 'Abdillāh al-Dhahabiy, wafat 748h, menulis kitab Ma'rifah al-Qurrā' al-Kibār 'Alā al-Ṭabaqāt Wa al-A'ṣār (dicetak).
6. Muḥammad bin Muḥammad bin Muḥammad, Ibn al-Jazariy, wafat 833h, menulis beberapa buah kitab berkaitan ilmu sanad al-Qur'ān antaranya ialah Ghāyah al-Nihāyah Fī Ṭabaqāt al-Qurrā' (dicetak), Munjid al-Muqri'īn Wa Murshid al-Ṭalībīn (dicetak), Al-Nashr Fī al-Qirā'āt al-'Ashr (dicetak).
7. Dr. Ilyās bin Aḥmad Ḥusayn bin Sulaymān al-Barmawiy, menulis beberapa buah kitab berkaitan ilmu sanad al-Qur'ān antaranya ialah Iṭḥāf al-Zamān Bi Asānīd Ahl al-Qur'ān (dicetak), Ghāyah al-Musirrah Bi Ma'rifah Asānīd al-Qurrā' al-Mu'āṣirah (dicetak), Imtā' al-Fuḍalā' Bi Tarājim al-Qurrā' (dicetak).
8. Dr. Aimān Rushdī Suwayd, menulis kitab al-Salāsīl al-Dhahabiyah Bi al-Asānīd al-Nashriyyah (dicetak).
9. Dr. Aḥmad bin Sa'ad al-Muṭīriy, menulis kitab Asānīd al-Qirā'āt Wa Manhaj al-Qurrā' Fī Dirāsatiha (dicetak).
10. Abū Aḥmad Hasan bin Muṣṭafā al-Warrāqiy, menulis kitab Tuḥfah al-Ikhwān Bimā 'Alā Min Asānīd Qurrā' Hāzā al-Zamān (dicetak).

Oleh kerana kajian ini memberi fokus kepada gaya penulisan beberapa kitab sebagai bahan kajian, justeru pengkaji tidaklah menghuraikan dengan lebih lanjut gaya penulisan dalam kitab-kitab yang dinyatakan di atas.

GAYA PENULISAN ILMU SANAD AL-QUR'ĀN

Dalam kajian ini, penulis memilih empat buah kitab -dua buah kitab terdahulu dan dua buah kitab kontemporer- dalam ilmu sanad al-Qur'ān sebagai bahan kajian dalam menganalisis gaya penulisan mereka. Antara justifikasi pemilihan tersebut ialah:

1. Melihat perbandingan syarahan dan gaya penulisan antara ulama silam dan kontemporari dalam ilmu sanad al-Qur'ān
2. Antara kitab yang masyhur dan dirujuk dalam kajian penulisan ilmiah pada hari ini dalam bidang ilmu qirā'āt dan sanad al-Qur'ān.

Pertama: Kitab Ma'rifah al-Qurrā' al-Kibār 'Alā al-Ṭabaqāt Wa al-A'ṣār oleh Muḥammad bin Aḥmad al-Dhahabiy (wafat 748h)

Secara keseluruhannya, terdapat dua gaya penulisan asas yang digunakan oleh al-Dhahabiy dalam kitabnya iaitu pengenalan qurrā' mengikut peredaran zaman dan pengesahan bacaan qurrā' kepada qurrā' yang lain.

1. Pengenalan Qurrā' Mengikut Peredaran Zaman
 Dalam menghuraikan perkembangan sanad al-Qur'ān sejak dari zaman penurunan wahyu lagi, al-Dhahabiy mengupas isu ini dengan membahagikan perbincangan ilmiah beliau mengikut peredaran zaman dan ṭabaqāt sehinggalah ke ṭabaqāt ke-18. Sebagai contoh, al-Dhahabiy menyebut al-Ṭabaqāt al-Ūlā sebagai golongan qurrā' yang memperdengarkan bacaan di hadapan Rasulullah SAW, al-Ṭabaqāt al-Thānīyah sebagai golongan qurrā' yang memperdengarkan bacaan kepada sebahagian daripada al-Ṭabaqāt al-Ūlā. Adapun ṭabaqāt berikutnya ialah mereka yang memperdengarkan bacaan kepada golongan tābi'īn dan generasi selepasnya.
2. Pengesahan Bacaan Qurrā' Kepada Qurrā' Yang Lain
 Selepas membahaskan pembahagian qurrā' mengikut peredaran zaman berserta biografi mereka, al-Dhahabiy mengesahkan keabsahan sanad bacaan para qurrā' menerusi kata-kata mereka yang memperdengarkan bacaan di hadapan qurrā' yang lain. Sebagai contoh, dalam al-Ṭabaqāt al-Thālīthah, dinyatakan bahawa Imam 'Āṣim telah mengajarkan bacaan yang berbeza kepada Imam Ḥafṣ dan Imam Shu'bah. Lalu berkata Imam 'Āṣim: "Adapun bacaan yang aku ajarkan kepadamu ialah bacaan yang aku ambil daripada Abū 'Abd al-Raḥmān al-Sulamī daripada 'Aliy bin Abī Ṭalīb. Sedangkan bacaan yang aku ajarkan kepada Shu'bah pula ialah bacaan yang aku ambil daripada Zir bin Ḥubaysh daripada 'Abdullāh bin Mas'ūd". (al-Dhahabiy, 1997)

Kedua: Kitab Al-Nashr Fī al-Qirā'āt al-'Ashr oleh Muḥammad bin Muḥammad Ibn al-Jazariy (wafat 833h)

Kitab al-Nashr Fī al-Qirā'āt al-'Ashr oleh Imam Ibn al-Jazariy merupakan salah satu daripada rujukan utama dalam perbincangan tentang ilmu sanad al-Qur'ān dan pecahan ṭarīq. Berdasarkan kepada rujukan beliau, terdapat 60 buah kitab rujukan yang dikupas di dalam kitab al-Nashr dan beliau menganalisis serta mengeluarkan keseluruhan ṭarīq yang terdapat di dalamnya, sehingga mencecah 980 ṭarīq.

Secara umumnya, terdapat tiga gaya penulisan utama yang digunapakai oleh Ibn al-Jazariy dalam karya beliau ini iaitu perbincangan kitab rujukan utama dalam ilmu qirā'āt,

penyebutan sanad setiap qirā'āt, riwāyah dan ṭarīq serta kupasan uṣūl al-Qirā'āt sepuluh berserta contoh.

1. Perbahasan Kitab Rujukan Utama Dalam Ilmu Qirā'āt

Imam Ibn al-Jazariy menyatakan sejumlah kitab rujukan utama yang digunapakai dalam perbahasan ilmu qirā'āt di dalam kitab beliau. Perbahasan kitab ini dinyatakan bagi tujuan mengukuhkan hujah sanad bacaan beliau bagi setiap ṭarīq yang dikumpulkan di dalam kitab al-Nashr. Antara kitab yang dinyatakan ialah al-Taisīr oleh Abū 'Amr al-Dāniy (wafat 444h), Ḥirz al-Amānī Wa Wajh al-Tahānī oleh Al-Qāsim bin Firruh al-Shāṭibiy (590h), al-Tabṣirah oleh Makkī bin Abī Talib (wafat 437h), al-Rauḍah oleh Mūsā Ibn al-Mu'addal (wafat 480h), al-Miṣbāḥ Fī al-Qirā'āt al-'Ashr oleh Abū al-Karam al-Shahrzūriy (wafat 550h) dan sebagainya.

Sebagai contoh, beliau memulakan perbahasan dengan antara kitab terawal dalam ilmu qirā'āt iaitu al-Taisīr oleh Imam Abū 'Amr al-Dāniy (wafat 444h). Kemudian beliau menyebut: “Telah menceritakan kepadaku, Shaykh Ibn al-Labbān, daripada Shaykh Aḥmad al-Muradiy, daripada Shaykh 'Abdullāh al-Shabaratiy, daripada Shaykh Ahmad al-Hassār. Juga aku membacanya daripada Shaykh Aḥmad bin Yūsuf al-Andalusiyy, daripada Shaykh 'Aliy bin 'Umar al-Qijatiy, daripada Shaykh Al-Husain bin 'Abd al-Azīz al-Aḥwaṣ, daripada Shaykh Muḥammad bin Muḥammad al-Lakhmiy, daripada Shaykh 'Aliy bin Muḥammad al-Huzail, daripada Shaykh Sulaimān bin Najāḥ, daripada Shaykh Abū 'Amr al-Dāniy. (Al-Nashr Fī al-Qirā'āt al-'Ashr, 2016, p. 58)

2. Penyebutan Sanad Setiap Qirā'āt, Riwāyah dan Ṭarīq

Selepas perbahasan berkaitan kitab rujukan utama yang digunapakai dalam penulisan kitab al-Nashr, Imam Ibn al-Jazariy menghuraikan tawātur sanad bagi setiap qirā'āt, riwāyah dan ṭarīq yang bersumberkan 60 buah kitab rujukan.

Sebagai contoh, beliau menjelaskan pecahan sanad bagi qirā'āt 'Āṣim, riwāyah Ḥafṣ, dengan kata beliau: “Riwāyah Ḥafṣ ialah ṭarīq 'Ubaid bin al-Sobbah daripadanya. Maka ṭarīq al-Hāshimiy daripada lima ṭarīq pula. Ṭarīq Tohir -yang pertama- daripada al-Hāshimiy kitab al-Syātibiyah dan al-Taisīr”. (al-Jazariy, 2016)

3. Kupasan Uṣūl al-Qirā'āt Sepuluh Berserta Contoh

Kitab al-Nashr merupakan sebuah kitab yang membahaskan uṣūl al-Qirā'āt sepuluh secara menyeluruh berserta contoh, dengan bersumberkan 60 buah kitab rujukan utama. Oleh kerana perbahasan yang agak panjang dan menyukarkan para pencinta qirā'āt untuk mempelajarinya, beliau mengarang sebuah kitab syair -matan- yang merupakan ringkasan kepada uṣūl al-Qirā'āt sepuluh ini dan diberi nama Ṭayyibah al-Nashr Fī al-Qirā'āt al-'Ashr. Atas kesungguhan beliau dalam mengumpulkan keseluruhan ṭarīq yang ada, beliau mendapat julukan sebagai ṭarīq al-Jazariyyah atau ṭarīq al-Nashriyyah.

Sebagai contoh, beliau menjelaskan uṣūl al-Qirā'āt sepuluh dengan pembahagian bab yang dimulai dengan bab al-Isti'ādḥah, al-Basmalah sehinggalah kepada bab al-Takbīr. Imam Ibn al-Jazariy berkata: “Dalam masalah lafaz al-Isti'ādḥah terdapat dua pandangan. Pertama

pandangan yang terpilih di sisi qurrā' ialah أعوذ بالله من الشيطان الرجيم sebagaimana yang terdapat di dalam surah al-Nahl... Kedua sebahagian pandangan menyatakan harus berlaku penambahan, pengurangan atau perubahan kalimah daripada lafaz yang masyhur seperti أستعيز أو نستعيز berdasarkan ayat daripada surah al-Nahl". (Al-Nashr Fī al-Qirā'āt al-'Ashr, 2016, p. 246)

Ketiga: Kitab al-Salāsil al-Dhahabiyah Bi al-Asānīd al-Nashriyyah oleh Dr. Aimān Rushdī Suwayd

Kitab ini merupakan antara penulisan ilmiah kontemporari dalam ilmu sanad al-Qur'ān. Penulis -Dr. Aimān Rushdī Suwayd- membahaskan susur jalur sanad qurrā' yang dikumpul oleh beliau menerusi talaqqī al-Qur'ān bersama para guru beliau secara terperinci. Secara umumnya, kitab ini dibahagikan kepada empat bab yang utama iaitu sanad penulis daripada guru beliau sehingga ke Imam Ibn al-Jazariy, sanad Imam Ibn al-Jazariy sehingga ke penulis kitab qirā'āt, sanad penulis kitab qirā'āt sehingga kepada qurrā' 'asharah, sanad qurrā' 'asharah sehingga kepada Rasulullah SAW.

Secara umumnya, terdapat dua gaya penulisan di dalam karya ini iaitu penerangan qurrā' menerusi peta minda dan perletakan nombor bagi qurrā'. Berikut ialah beberapa contoh petikan gaya penulisan beliau:

1. Penerangan Qurrā' Menerusi Peta Minda

Dalam merungkaikan susur jalur sanad al-Qur'ān daripada qurrā' zaman kini sehingga kepada Rasulullah SAW, penulis merumuskan senarai nama sanad qurrā' secara gambarajah dan peta minda. Sebagai contoh (Suwaid, 2007)

عاصمُ بنُ أبي النَّجُودِ أبو بكرٍ الكوفيُّ (ت127هـ)

حفصُ بنُ سليمانَ المُغيَّرَةُ الأَسديُّ (ت180هـ)

عَمْرُو بنُ الصَّبَّاحِ أبو حفصَ البَغْدَادِيُّ الضَّريرُ (ت221هـ)	عُبَيْدُ بنُ الصَّبَّاحِ أبو مُحَمَّدٍ النَّهْشَلِيُّ الكوفيُّ (ت235هـ)
---	--

1. Peletakan Nombor Bagi Qurrā'

Dalam menjelaskan lagi tarīq bagi setiap qirā'āt, penulis meletakkan nombor bagi setiap qurrā' dalam bab sanad penulis kitab qirā'āt sehingga kepada qurrā' 'asharah. Hal ini adalah kerana tarīq yang terdapat di dalam 60 buah kitab ini -menerusi pengumpulan Imam Ibn al-Jazariy-mencecah hampir seribu orang. Antara contoh yang terdapat di dalam kitab ialah, qirā'āt Imam Nāfi', riwāyah Qālūn, bagi kitab al-Irsyad terdapat empat tarīq iaitu tarīq ke-54, 64, 73, 76. Bagi kitab al-Iqnā' terdapat enam tarīq iaitu tarīq ke-1, 2, 4, 16, 28, 32. (Suwaid, 2007)

Keempat: Kitab *Ithāf al-Zamān Bi Asānīd Ahl al-Qur’ān* oleh Dr. Ilyās al-Barmāwiy

Karangan Dr. Ilyās al-Barmāwiy ini merupakan salah satu daripada kitab arus perdana dalam perbincangan ilmu sanad al-Qur’ān. Beliau yang merupakan salah seorang guru al-Qur’ān di Masjid Nabawi, Madinah telah menyiapkan penulisan beliau ini (sebahagian daripada kajian beliau di peringkat doktor falsafah) dan dicetak pada tahun 2012.

Penulis membahagikan tajuk perbincangannya di dalam kitab ini kepada tiga bab yang utama iaitu Bab Pertama: Sanad Qurrā’ di Makkah dan Madinah, Bab Kedua: Sanad Qurrā’ di Negara Lain, Bab Ketiga: Sanad Qirā’āt Tujuh dan Sepuluh, Ṣughrā dan Kubrā.

Adapun dari sudut gaya penulisan pula, penulis mengemukakan beberapa sanad pilihan sebagai bahan kajian menerusi kaedah deduktif berikut:

1. Mengekalkan Keaslian Sanad al-Qur’ān Tanpa Sebarang Pindaan

Sebagai pembuka bicara, penulis mengemukakan tekstual asal sanad al-Qur’ān sebagai bahan kajian tanpa sebarang kritikan dan pindaan. Gaya ini digunapakai dalam semua bab yang dinyatakan. Sebagai contoh (al-Barmawi, 2012):

قرأ الشيخ إبراهيم الأخضر بن علي القيم (1364هـ - لا يزال حيًا) ختمة برواية حفص عن عاصم من الشاطبية، وختمة أخرى بالقراءات السبع من الشاطبية، على الشيخ حسن بن إبراهيم بن علي الشاعر (1291هـ - 1400هـ) شيخ القراء الأسبق بالمسجد النبوي الشريف، وقرأ القراءات الثلاث المتممة للعشر من الدرّة على الشيخ عبد الفتاح بن عبد الغني بن محمد القاضي (1320هـ - 1403هـ) وهو قرأ القراءات العشر الصغرى على الشيخ همام بن قطب بن عبد الهادي (كان حيًا عام 1345هـ).....

2. Kajian Kritis Terhadap Sanad al-Qur’ān

Penulis bukan sahaja mendatangkan tekstual asal sanad al-Qur’ān tanpa sebarang pindaan, malahan beliau membuat kajian deduktif dan kritis terhadap keabsahan sesuatu sanad al-Qur’ān. Kajian beliau memberi fokus kepada pelbagai aspek seperti kesinambungan sanad, keaslian sanad, kriteria sanad dan biodata tokoh dalam sanad. Sebagai contoh, dalam kritikan beliau terhadap seorang tokoh yang bernama Shaykh Sulaimān al-Shuhadāwiy, seperti tekstual sanad berikut:

وقرأ الشيخ - المطوبسي - القراءات الثلاث المتممة للعشر من الدرّة، والقراءات العشر الكبرى من الطيبة على الشيخ علي بن إبراهيم بن مصطفى السمنودي، ثم المكّي، الشافعي، الشهير بالخلّو - بضم الحاء - (1295هـ) وهو على الشيخ أحمد محمد سلمونة (كان حيًا عام 1233هـ) وهو على الشيخ سليمان الشُّهداوي الشافعي، البصير بقلبه وهو على الشيخ مصطفى بن علي بن عمر بن أحمد الميهي.....

Kata penulis: “Dan inilah yang benar. Bukan al-Baibani, kerana beliau membaca di hadapan Shaykh Ṣaliḥ al-Zujajiy dan beliau seorang bermazhab Malikiy. Juga dinyatakan oleh penulis kitab *Faiḍ al-Malik al-Wahhāb al-Muta’āliy*, jilid 3, bahawa nama beliau ialah al-Mushhadāwiy – sedangkan nama tersebut adalah salah”. (al-Barmawi, 2012)

Berdasarkan kepada penelitian dan kajian di atas, dapat dirumuskan bahawa para cendekiawan silam mahupun kontemporari mengambil berat dengan disiplin ilmu sanad al-Quran. Meskipun kajian dalam ilmu ini tidaklah meluas dan banyak penulisannya seperti dalam ilmu sanad ḥadīth, namun para ulama mengambil berat dalam gaya penulisan yang digunapakai agar kajian mereka dapat digarapkan secara ilmiah dan akademik. Antara gaya penulisan yang dinyatakan ialah kajian deduktif terhadap biodata qurrā' dan perawi, dokumentasi kitab utama dalam disiplin ilmu sanad al-Qur'ān serta analisa keabsahan sanad al-Qur'ān bagi qirā'āt yang dinyatakan.

KESIMPULAN

Hakikatnya disiplin ilmu sanad al-Qur'ān mempunyai persamaan dengan ilmu sanad ḥadīth. Meskipun disiplin ini tidak dipelajari secara menyeluruh dalam pelbagai tahap pengajian seperti ilmu sanad ḥadīth, para cendekiawan Islam yang mahir dan menekuni disiplin ini telah pun dan berterusan menelaah serta membincangkan isu, elemen, keabsahan dan sebagainya menerusi penulisan mereka. Dapatan kajian jelas menunjukkan bahawa terdapat beberapa gaya penulisan yang digunapakai oleh para penulis menerusi karya mereka seperti biodata qurrā' dan perawi, dokumentasi kitab utama dalam disiplin ilmu sanad al-Qur'ān serta analisa keabsahan sanad al-Qur'ān bagi qirā'āt yang dinyatakan. Dicadangkan juga kepada para pengkaji dan penyelidik untuk mendalami lagi perbincangan ilmu sanad al-Qur'ān ini dek kerana aliran sanad tersebut diperoleh secara meluas dari pelbagai guru dan negara. Diharap agar kertas kerja ini dapat memberi sedikit gambaran terhadap gaya penulisan ilmu sanad al-Qur'ān di sisi para qurrā' terdahulu dan kontemporari.

RUJUKAN

- al-Barmawi, I. b. (2012). *Ithaf al-Zaman bi Asanid Ahl al-Qur'ān*. Madinah: Maktabah Dar al-Zaman.
- al-Bukhariy, M. b. (2001). *Sahih al-Bukhariy*. Beirut: Dar Tauq al-Najah.
- al-Jazari, M. b. (1999). *Munjid al-Muqriin wa Mursyid al-Talibin*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Jazari, M. b. (2002). *Ṭayyibah al-Nashr fī al-Qirā'āt al-'Ashr*. Kaherah: Maktabah al-Sunnah.
- al-Jazari, M. b. (2016). *Al-Nashr fī al-Qirā'āt al-'Ashr*. Algeria: Dar al-Muhsin.
- al-Mazru'ie, D. Y. (2009). *Audhah al-Dilalat fī Asanid al-Qirā'āt*. Kuwait: wizarah al-Awqaf wa al-Shu'un al-Islamiyah.
- Al-Muthiri, D. A. (2013). *Asanid al-Qirā'āt wa Manhaj al-Qurrā' fī Dirasatiha*. Riyadh: Al-Imam Muhammad bin Saud Islamic University.
- al-Naisaburi, M. b. (1990). *Al-Mustadrak 'Ala al-Sahihain*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Naisaburi, M. b.-H. (2001). *Sahih Muslim*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Qasimiy, M. J. (2004). *Qawā'id al-Taḥdith*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- al-Suyuti, J. (1415). *Tadrib al-Rawi*. Riyadh: Maktabah al-Kauthar.
- al-Dhahabiy, S. M. (1997). *Ma'rifah al-Qurrā' al-Kibar 'ala al-Tabaqat wa al-A'sar*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

- Hijazi, U. Y. (2005). *Hal al-Tajwid Wajib*. Beirut: Dar al-Minhaj.
- Ibn al-Jazari, M. b. (1999). *Munjid al-Muqrien wa Mursyid al-Thalibin*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah.
- Ibn Manzhur, M. b. (t.t). *Lisan al-Arab*. Beirut: Dar al-Sadir.
- Ibn Mulaqqin, S. U. (1413). *Al-Muqni' fi Ulum al-Ḥadīth*. Al-Ahsa': Dar Fawaz li al-Nasyr.
- Suwaid, D. A. (2007). *Al-Salasil Al-Zahabiyyah Bi Al-Asanid Al-Nasyriyyah* . Jeddah: Dar Nur al-Maktabat.
- al-Din, B. (2014, Februari 2). *al-Qiraat al-Qur'āniyyah*. Retrieved from al-Utrujjah al-Islamiyyah:<http://otrujja.com/2014-02-02/%D9%85%D8%B9%D9%86%D9%89-%D8%A7%D9%84%D8%A5%D8%AC%D8%A7%D8%B2%D8%A9-%D8%B9%D9%86%D8%AF-%D8%A7%D9%84%D9%82%D8%B1%D8%A7%D8%A1-3/>